

10 Ogos 2022

KENYATAAN MEDIA

PUSPAKOM MENYAMBUT BAIK CADANGAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)

Shah Alam, 10 Ogos 2022 – PUSPAKOM Sdn. Bhd. (PUSPAKOM) amat menyambut baik cadangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk menyemak semula kaedah pemeriksaan kenderaan berat bagi item yang melibatkan tahap keselamatan yang tinggi seperti pemeriksaan kecekapan brek, keselamatan tayar dan komponen lain. Kaedah pemeriksaan yang sedia ada pada masa ini adalah dibuat sebagaimana telah ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) 1995. Di bawah cadangan ini, kaedah pemeriksaan kenderaan boleh diselaraskan oleh PUSPAKOM apabila diputuskan oleh JPJ kelak. Ianya tidak melibatkan perubahan kepada peralatan pemeriksaan sedia ada. Dengan pengalaman yang ada, PUSPAKOM akan memberi kerjasama yang sepenuhnya terhadap cadangan ini untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan sesebuah kenderaan berat semasa berada di atas jalan raya.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2022, PUSPAKOM telah menjalankan pemeriksaan secara berkala terhadap sejumlah 270,385 buah kenderaan berat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15.8% atau 42,772 kenderaan berat gagal mematuhi piawaian pemeriksaan yang ditetapkan oleh JPJ termasuk 4.6% atau 12,339 kenderaan berat adalah gagal ujian kecekapan brek. Mana-mana kenderaan yang gagal, perlu menjalani pemeriksaan semula sebelum dapat dilesenkan oleh JPJ.

PUSPAKOM juga mengalu-alukan usaha pihak JPJ untuk meningkatkan kekerapan pemantauan terhadap operasi pemeriksaan kenderaan yang dijalankan di semua 54 pusat-pusat pemeriksaan PUSPAKOM di seluruh negara. Pada masa ini, pemantauan oleh pihak JPJ adalah dilakukan secara berkala. Hasil daripada pemantauan tersebut, tindakan susulan yang bersesuaian telah diambil serta merta oleh PUSPAKOM. Pada tahun 2021 sahaja, JPJ telah menjalankan 741 pemantauan terhadap pusat-pusat pemeriksaan PUSPAKOM di seluruh negara. Pemantauan oleh pihak JPJ ke atas PUSPAKOM adalah selaras dengan

Perjanjian Konsesi Pemeriksaan Kenderaan PUSPAKOM dengan Kerajaan Malaysia di mana tahap pencapaian KPI perlu dipatuhi oleh PUSPAKOM yang meliputi aspek-aspek penyampaian perkhidmatan yang baik kepada orang ramai, keselamatan kenderaan di jalan raya dan model perkhidmatan yang mampan. Sehingga kini, PUSPAKOM telah secara berterusan mencapai skor melebihi keperluan yang ditetapkan di bawah Perjanjian Konsesi. Penilaian dalaman yang dilaksanakan dan pemantauan serta penambahbaikan berterusan terutamanya dalam aspek automasi dan pendigitalan dalam operasi pemeriksaan PUSPAKOM telah membolehkan skor KPI Teknikal Keseluruhan PUSPAKOM meningkat daripada 91.2% pada 2012 kepada 95.8% pada 2016 dan 97.1% pada 2021. Dengan meningkatkan lagi kekerapan pemantauan dan disamping pemantauan dalaman yang dijalankan oleh PUSPAKOM sendiri, langkah ini dapat memastikan tahap kualiti pemeriksaan kenderaan yang dijalankan sentiasa berada di tahap yang tinggi pada setiap masa.

Usaha-usaha penambahbaikan adalah dilaksanakan secara berterusan oleh PUSPAKOM terutamanya dari aspek-aspek seperti polisi dan prosedur kerja, penggunaan teknologi terkini berkaitan sistem dan proses serta memupuk budaya kerja berintegriti tinggi di kalangan kakitangan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Rangka Kerja Pematuhan Integriti PUSPAKOM (PICF). Ini adalah selaras dengan Pelan Anti-Rasuah Nasional yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan pensijilan ISO: 37001 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah.

Usaha-usaha untuk menyemak semula tahap keselamatan kenderaan berat perlulah seiring dengan langkah-langkah pencegahan kemalangan jalan raya yang lain seperti sikap pemandu dan pemilik kenderaan untuk menjaga dan menyelenggara kenderaan supaya sentiasa berada dalam keadaan yang selamat. Pemeriksaan kenderaan secara berkala yang dijalankan oleh PUSPAKOM adalah bertujuan sebagai langkah pencegahan awal dalam mengurangkan jumlah kenderaan yang tidak selamat berada diatas jalan raya. Memandangkan pemeriksaan yang dijalankan oleh PUSPAKOM hanyalah pada setiap 6 bulan, adalah menjadi tanggungjawab pemilik dan pemandu kenderaan berat dalam tempoh tersebut untuk memastikan setiap kenderaan milik mereka adalah selamat sebelum memulakan sebarang perjalanan.

-TAMAT-

MENGENAI PUSPAKOM

***Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM)** merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.*

Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.

Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 54 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu, PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar bandar.

Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Leong Pei Yee

Ketua, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan

PUSPAKOM

Tel: 03-2052 7465 H/P: 012 – 238 1781

Mohd Izzat Intanjudin

Eksekutif Kanan, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan

PUSPAKOM

Tel: 03-2052 7464 H/P: 018 – 666 2808